


SISTEM AHLI

PEMBENTUKAN

British menjalankan dasar dekolonisasi, iaitu menyediakan langkah berkerajaan sendiri secara beransur-ansur kepada tanah jajahannya selepas Perang Dunia Kedua. Disebabkan kekurangan pegawai tempatan dalam perkhidmatan kerajaan, Dato' Onn Jaafar meminta tindakan diambil untuk menambahkan peluang pentadbiran kepada wakil tempatan dalam usaha menyediakan Tanah Melayu ke arah kemerdekaan. Cadangan Dato' Onn Jaafar membawa kepada pembentukan Sistem Ahli. Pada tahun 1951, Sir Henry Gurney, Pesuruhjaya Tinggi British mengumumkan senarai anggota Sistem Ahli.



- Sistem Ahli merupakan sistem yang melatih penduduk tempatan menerajui pentadbiran Persekutuan Tanah Melayu.
- Sistem Ahli diperkenalkan untuk memberikan latihan kepada penduduk tempatan tentang pentadbiran negeri sebelum British memberikan kemerdekaan.
- Sistem Ahli dilaksanakan pada April 1951 hingga Jun 1955, iaitu sebelum Pilihan Raya MPP diadakan pada bulan Julai 1955.
- Beberapa orang anggota Majlis Perundangan Persekutuan (MPP) bertanggungjawab terhadap beberapa jabatan dan agensi kerajaan.
- Pada tahun 1954, berlaku rombakan Sistem Ahli, beberapa portfolio baharu diwujudkan dan dijabat oleh warganegara Persekutuan Tanah Melayu yang menjadi anggota MPP.
- Tiga portfolio kekal di bawah pentadbiran British, iaitu Hal Ehwal Ekonomi, Perindustrian dan Perhubungan Sosial serta Perumahan dan Kerja Raya.

CIRI-CIRI

- Ahli bertaraf "Menteri" dan bertanggungjawab menjaga portfolio yang mengandungi jabatan dan agensi kerajaan.
- Ahli dilantik oleh Pesuruhjaya Tinggi British dengan persetujuan Majlis Raja-raja.
- Ahli diletakkan di bawah kuasa Pesuruhjaya Tinggi.
- Ahli bertanggungjawab mencadangkan undang-undang yang berkaitan dengan jabatannya untuk dibentangkan dalam MPP.
- Merupakan sistem kabinet bayangan yang terdiri daripada beberapa pegawai tadbir dan tokoh masyarakat.

KEPENTINGAN

- 1 Menyediakan asas penting melatih orang tempatan ke arah berkerajaan sendiri.

Memberikan pendedahan kepada penduduk tempatan untuk belajar mentadbir dan menerajui kerajaan menjelang kemerdekaan.

- 3 Merupakan proses memupuk perpaduan kerana ahli-ahlinya merupakan gabungan pemimpin pelbagai kaum.

Menentukan kemerdekaan yang diperoleh akan mendapat sokongan seluruh penduduk Persekutuan Tanah Melayu.

2

4